

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 6 Women in Nuclear (AGM WiN Malaysia) WiN Malaysia

Pada 6 Februari 2025 yang lalu, mesyuarat agung tahunan kali ke 6 telah berlangsung di Bilik Seminar Agensi Nuklear Malaysia. Seramai 36 orang ahli Women in Nuclear (WiN-MNS) Malaysia menyertai mesyuarat secara fizikal dan atas talian. Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan daripada Presiden WiN sesi 2023 – 2025, Dr. Siti A'iasah Hashim. Dr Zainah Binti Adam telah dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat dan Puan Wan Syazlin Binti Wan Junoh dilantik sebagai pencatat minit mesyuarat. Sejurus selepas itu, Setiausaha WiN, Puan Puteri Nuraliah Husna telah melaporkan aktiviti yang diadakan dalam tempoh 2023 – 2025. Mesyuarat pada kali ini telah membubarkan Barisan Exco sesi 2023 – 2025 dan membuat lantikan baharu untuk sesi 2025 – 2027. Pada AGM tahun ini, Dr. Siti A'iasah Hashim telah mendapat undian tertinggi untuk menyandang jawatan Presiden bagi sesi 2025 - 2027 dan Dr. Hasni Hassan dilantik sebagai Timbalan Presiden yang baru. Manakala Barisan Exco telah dipilih di kalangan ahli yang hadir melalui undian. Semoga dengan pelantikan Barisan Exco sesi 2023 – 2025 dapat memantapkan lagi pengurusan dan mengekalkan prestasi baik WiN Malaysia.



Barisan Exco WiN Malaysia sesi 2025 – 2027





Gambar sekitar mesyuarat berlangsung